



PEKELILING MAJIKAN BIL.10/2001
PERUNTUKAN BARU BERKAITAN PEMBAYARAN LEVI DI BAWAH
AKTA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD, 2001

1 TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeliling ini ialah untuk memaklumkan majikan mengenai peruntukan-peruntukan baru berkaitan pembayaran levi di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001

2 PERUNTUKAN BARU

2.1 **Kewajipan untuka terus membayar levi bagi majikan kategori 1 dan 2**

- 2.1.1 Mulai 16 Mei 2001, majikan daripada sektor perkilangan seperti yang dinyatakan di bawah ini wajib untuk terus membayar levi pada kadar 1% ke atas setiap pekerja walaupun bilangan pekerja telah menjadi kurang daripada 50 orang, atau modal berbayar telah menjadi kurang daripada RM2.5 juta :

Kategori 1 – Majikan yang mempunyai 50 orang pekerja atau lebih; dan

Kategori 2 – Majikan yang mempunyai 10 orang pekerja atau lebih tetapi kurang daripada 50 orang pekerja dan mempunyai modal berbayar sebanyak RM2.5 juta dan ke atas.

- 2.1.2 Peraturan ini adalah bagi memenuhi kehendak peruntukan perenggan C, Jadual Pertama, Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001 yang berbunyi seperti berikut :

Sekiranya bilangan pekerja majikan di bawah subperenggan A (1) menjadi kurang daripada lima puluh orang atau modal berbayar majikan di bawah subperenggan A (2) menjadi kurang daripada dua juta lima ratus ribu ringgit, kadar levi yang dikenakan hendaklah kekal pada satu peratus daripada upah bulanan setiap pekerja itu.

2.2 **Pembatalan Pendaftaran Majikan**

- 2.2.1 Mulai 16 Mei 2001 juga, sekiranya jumlah pekerja majikan dalam **kedua-dua sektor perkilangan dan perkhidmatan** telah menjadi kurang daripada 10 orang selama 3 bulan berturut-turut, majikan boleh menulis surat kepada PSMB untuk memohon pendaftarannya dibatalkan. Walau bagaimanapun, setiap permohonan pembatalan itu perlu disertakan dengan salinan dokumen yang boleh membuktikan jumlah pekerja

majikan telah benar-benar menjadi kurang daripada 10 orang. Salinan dokumen tersebut hendaklah disahkan oleh pegawai yang diberi kuasa.

2.2.2 Jika majikan mendaftar semula dengan PSMB dalam tempoh 2 tahun mulai dari tarikh pembatalan pendaftarannya, majikan layak semula untuk menerima apa-apa bantuan kewangan atau faedah lain daripada PSMB sama seperti sebelum pendaftarannya dibatalkan.

2.2.3 Majikan yang tidak memohon untuk dibatalkan pendaftarannya walaupun jumlah pekerja telah menjadi kurang daripada 10 orang selama 3 bulan berturut-turut, majikan berkenaan hendaklah terus membayar levi pada kadar yang ditetapkan.

2.2.4 Peraturan ini diperuntukkan di bawah seksyen 16 dan 17, Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad, 2001 dan berbunyi seperti berikut :

Seksyen 16 (1) Tiada majikan yang telah didaftarkan dengan Perbadanan boleh dibatalkan pendaftarannya.

Seksyen 16 (2) Walau apa pun subseksyen (1), jika bilangan pekerja seseorang majikan yang baginya Akta ini terpakai menjadi kurang daripada sepuluh orang selama tiga bulan berturut-turut, majikan itu boleh mengemukakan suatu permohonan kepada Perbadanan bagi pembatalan pendaftaran berserta dengan apa-apa dokumen berkaitan sebagai bukti keberkurangan itu.

Seksyen 17 (1) Seseorang majikan yang pendaftarannya telah dibatalkan oleh Perbadanan di bawah subseksyen 16 (2) dan didaftarkan semula dalam tempoh dua tahun dari tarikh pembatalan pendaftaran itu hendaklah terus layak untuk menerima apa-apa bantuan kewangan atau faedah lain yang layak diterima oleh majikan itu sebelum pembatalan pendaftarannya.

Jika seseorang majikan telah dibatalkan pendaftarannya di bawah subseksyen (1), dan telah tidak didaftarkan semula dalam tempoh dua tahun dari tarikh pembatalan pendaftaran, majikan itu hendaklah hilang kelayakan untuk menerima apa-apa bantuan kewangan atau faedah lain yang layak diterima oleh majikan itu sebelum pembatalan pendaftarannya.

3.0 **PENUTUP**

3.1 Selaras dengan Akta Pembangunan Sumber Manusia, 2001, majikan adalah diminta untuk mematuhi peruntukan-peruntukan baru ini bagi mengelakkan pembayaran levi menjadi tertunggak dan dikenakan faedah.

3.2 Sekiranya majikan menghadapi sebarang masalah, pegawai PSMB yang boleh dihubungi untuk mendapatkan keterangan

lanjut ialah :

(i) Suzeiliana binti Mohd. Arshad
(nombor telefon : 03-258 4835);

(ii) Siti Haida binti Mohd. Aini
(nombor telefon : 03-258 4854); dan

(iii) Fauziah binti Masrom
(nombor telefon : 03-258 4838).

4. **TARIKH KUAT KUASA**

4.1 Pekeliling Majikan ini berkuat kuasa mulai 16 Mei 2001.
Sekian, terima kasih.

"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN "
"K-PEKERJA PEMANGKIN KECEMERLANGAN NEGARA"

Yang ikhlas,

(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN)

Pengarah Kewangan
Pembangunan Sumber Manusia Berhad